



Perpustakaan SKTM

LATIHAN ILMIAH I (WXES3181)

**VHDL IMPLEMENTATION FOR JAWI  
CHARACTER RECOGNITION**  
IMPLEMENTASI VHDL UNTUK PENGECAMAN  
AKSARA JAWI

DISEDIAKAN OLEH  
**RAZMAN BIN ABDUL GHANI**  
**810929-05-5129**  
**WEK 000321**

SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER  
(SISTEM DAN TEKNOLOGI RANGKAIAN)

DISEDIAKAN UNTUK  
**ENCIK ZAIDI BIN RAZAK (PENASIHAT)**  
**EN MOHD YAMANI IDNA IDRIS (MODERATOR)**

## ABSTRAK

Kajian terhadap pembangunan tulisan jawi di era teknologi maklumat yang canggih ini memang kian giat diusahakan pada masa kini kerana beberapa perisian yang berkaitan penulisan jawi ini yang telah diperkenalkan. Namun sememangnya kita ketahui, pengetahuan tentang tulisan jawi agak kurang didedahkan kepada masyarakat pada masa ini. Sumber yang biasa kita jumpa untuk mengenali tulisan jawi ini yang popular ialah akhbar harian jawi, itupun dalam kuantiti yang agak kecil. Contoh perisian yang membangunkan penulisan jawi ialah Jawi Pro Ofis 2002.

Jadi pada kajian ini, saya dan kumpulan projek telah berusaha untuk melaksanakan satu kajian yang bertujuan untuk mengecamkan aksara tulisan jawi yang kurang jelas seperti manuskrip lama atau tulisan tangan kepada imej yang lebih jelas. Beberapa proses telah dilakukan dalam melaksanakan projek ini. Dalam menjayakan teori kajian ini, algoritma yang digunakan adalah berdasarkan kaedah kod rantai. Selain itu kajian ini menggunakan konsep kejiranan Piksel sebagai satu langkah yang sesuai bagi membaca nilai imej pada piksel tersebut.

Diharapkan kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua lapisan masyarakat dan memperkembangkan lagi penulisan jawi ini kepada dunia luar. Semoga kajian pengecaman aksara tulisan jawi yang berimplementasikan bahasa perihalan perkakasan VHDL dapat direalisasikan dengan jayanya seterusnya membuat anjakan paradigma terhadap kemajuan penulisan jawi ini.



## PENGHARGAAN



Segala puji-pujian kepada Allah S.W.T . Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W , keluarga serta sahabat-sahabat baginda sekalian. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinnya dapat saya menyiapkan satu kajian “*Implementasi VHDI dalam pengecaman aksara jawi*” bagi memenuhi syarat untuk matapelajaran Projek Ilmiah Tahap Akhir 1 (WXES 3181) dapat disempurnakan dalam masa yang ditetapkan.

Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada penasihat saya, Encik Zaidi Razak yang banyak membantu, memberi tunjuk ajar, sokongan dan motivasi yang tinggi kepada saya dalam memahami dengan lebih jelas kajian sedang saya jalankan ini. Tidak dilupakan juga kepada Encik Mohd. Yamani Idna Idris yang bertindak sebagai moderator dalam menjayakan kajian ini dan memberi panduan untuk memperbaiki teori yang kami rancang.

Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan sekumpulan yang sama-sama menjalankan projek ini. Mereka yang dimaksudkan ialah **Nur Hasinah Hassan, Nor Nita Adila Mustafa, Suzylarina Samsudin , Nurainil Mustapha dan Hazrin Ahmad**. Komitmen, tunjuk ajar, saling membantu dan gabungan idea adalah intipati dalam memudahkan lagi pelaksanaan projek kami ini . Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat secara tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

Akhir sekali diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat. Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

3.1 Pengamalan kepada metodologi sistem..... 13-15

Abstrak.....i

Penghargaan.....ii

Isi Kandungan.....iii-v

Senarai Rajah.....vi-vii

3.2.3 Pengecapan untuk aksara tambahan dan penerbitannya dengan aksara asal

1.0 Pengenalan.....21

1.1 Pengenalan.....1

1.2 Objektif.....2

1.3 Skop Projek.....3

1.4 Jadual Perancangan Projek.....4

5.0 Pembangunan Sistem

2.0 Kajian Literasi.....29-38

2.1 Pengenalan.....5

2.2 Kajian Pencaman Jawi Melalui Rekabentuk Perkakasan.....6-7

2.3 Pencaman Huruf.....8

2.4 Teknik Kod Rantaian.....8

2.5 Teknik Pengecaman bit.....9

2.6 Perwakilan Imej Digital.....10-11

2.6 Kesimpulan.....12



### 3.0 Metodologi Sistem

3.1 Pengenalan kepada metodologi sistem.....	13-15
3.2 Penggunaan Kaedah Kod Rantaian.....	16-17
3.2.1 Kaedah Hough Transform.....	18
3.2.2 Penentuan nilai titik bersambungan dengan menggunakan konsep kejiranan piksel ( Pixel Neighbourhood).....	19
3.2.3 Pengecaman untuk aksara tambahan dan pemadannya dengan aksara asas bagi mewakili hasil pengecaman dalam bentuk kod.....	20-21

### 4.0 Rekabentuk Sistem

4.1 Rekabentuk gambaran keseluruhan perjalanan proses secara ringkas.....	22-23
4.2 Rekabentuk bercirikan gambarajah input/ouput.....	24-25
4.3 Rekabentuk Berasaskan gambarajah blok.....	26-28

### 5.0 Pembangunan Sistem

5.1 Algoritma membaca Kod Rantaian melalui kaedah tatasusunan.....	29-38
5.2 Algoritma membaca Kod Rantaian berdasarkan kejiranan piksel yang telah ditetapkan.....	39-52

### 5.0 Pengujian Sistem

6.1 Pengujian algoritma membaca Kod Rantaian melalui Kaedah Tatasusunan...	53-57
6.2 Pengujian Algoritma pembacaan Kod Rantaian berdasarkan kejiranan piksel.....	58-63

6.0 Perbincangan Sistem	7
7.1 Perbincangan bagi algoritma pembacaan Kod Rantaian melalui kaedah tatasusunan.....	64-66
7.2 Perbincangan bagi algoritma membaca Kod Rantaian berdasarkan kejiranan piksel yang telah ditetapkan.....	67-68
7.3 Kesimpulan Dan Cadangan.....	69-72
8.0 Rujukan.....	74
Rajah 6	15
Rajah 8	17
Rajah 9	17
Rajah 10	19
Rajah 11	20
Rajah 12	22
Rajah 13	24
Rajah 3.1.1	30
Rajah 3.1.2	31
Rajah 3.1.3	32
Rajah 3.2.1	39
Rajah 3.2.2	40



## Senarai Jadual/Rajah

Jadual 1	36 huruf jawi yang dibahagikan kepada Berkumpulan dan Individu	7
Rajah 1	Kaedah Lapan arah Kod rantai	9
Rajah 2	Kaedah empat arah Kod Rantai	9
Rajah 3	Gabungan Entiti-entiti Rekabentuk Perkakasan Khas Huruf Jawi	10
Rajah 4	Kelas Satu	11
Rajah 5	Kelas Dua	14
Rajah 6	Kelas Tiga	15
Rajah 7	Kaedah Lapan arah Kod Rantai	16
Rajah 8	Perwakilan Kod Rantai	17
Rajah 9	Arah Kod Rantai	17
Rajah 10	Ilustrasi Konsep Kejiranan Pikel	19
Rajah 11	Kedudukan Titik-titik pada koordinat	20
Rajah 12	Gambarajah Aliran Perjalanan Proses Keseluruhan	22
Rajah 13	Gambarajah Blok proses Pengecaman Aksara Tulisan Jawi	26
Rajah 5.1.1	Cara pembacaan pikel bagi tatasusunan 4 x 4	30
Rajah 5.1.2	Contoh Nilai Binari 16 bit Input yang diterima	31
Rajah 5.1.3	Gambarajah arah Kod Rantai	32
Rajah 5.2.1	Cara pembacaan bagi setiap pikel ke pikel berdasarkan konsep kejiranan 3 x 3	39
Rajah 5.2.2	Contoh Nilai Binari 9 bit Input yang diterima	40

Rajah 6.1.3	Rajah bagi simulasi	57
Rajah 6.2.3	Rajah bagi simulasi	62
Rajah 7.3.2	Implementasi kaedah matrik tatasusunan bagi pembacaan arah kod rantai	70

## BAB 1

### Pengenalan



## 1.1 Pengenalan

Di dalam bab ini akan diterangkan serba sedikit berkaitan perancangan keseluruhan proses bagi projek ini. Proses pengimplementasian VHDL dalam pengecutan aktara jawi ini adalah sub proses untuk satu sistem yang kompleks. Sebagaimana yang kita ketahui, tujuan utama projek ini adalah untuk mengecut imej aktara tulisan jawi yang kurang jelas kepada imej yang lebih mudah dilihat dan dibaca serta kajian ini dilakukan secara bersempadan. Oleh itu, terdapat beberapa proses terlibat dalam melaksanakan setiap kerja yang diperlukan bagi menghasilkan output yang dikehendaki.

Antara proses-proses yang terlibat ialah proses pengurangan background (noise reduction) ialah proses dimana background imej akan dihapuskan untuk menghasilkan imej yang lebih jelas. Proses ini melibatkan penggunaan teknik thresholding. Setelah itu, proses peningkatan kualiti imej (Image Enhancement) proses bagi meningkatkan dan mengkilatkan imej. Proses pengsegmentasian (segmentation) ialah proses untuk memisahkan aktara tulisan jawi yang bersempadan kepada aktara tunggal. Dengan ini, kita akan memudahkan kerja bagi mengecut aktara jawi ini yang akan menjadi sub proses pengecutan aktara jawi (Recognition). Proses ini dilakukan dalam perisian imej digital.

Apabila imej aktara jawi ini telah dapat dipisahkan/dikecam, ia akan diwakili dengan nombor yang akan dipaparkan dalam pengkalan data bagi mengenalpasti identiti imej ini. Saya berharap rakan saya iaitu Hazrin Ahmad bertanggungjawab dalam tugas untuk pengecutan aktara tulisan jawi melalui penggunaan bahasa VHDL. Jadi ini adalah serba sedikit mengenai berkenaan perancangan proses. Keseluruhan projek ini bagi membolehkan pembaca mendapat sedikit gambaran awal.

## 1.1 Pengenalan

Di dalam bab ini akan diterangkan serba-sedikit berkaitan perjalanan keseluruhan proses bagi projek ini. Proses pengimplementasian VHDL dalam pengecaman aksara jawi ini adalah sub proses untuk satu sistem yang kompleks. Sebagaimana yang kita ketahui, tujuan utama projek ini adalah untuk mengecam imej aksara tulisan jawi yang kurang jelas kepada imej yang lebih mudah dilihat dan dibaca serta kajian ini dilakukan secara berkumpulan. Oleh itu, terdapat beberapa proses terlibat dalam melaksanakan setiap kerja yang diperlukan bagi menghasilkan output yang dikehendaki.

Antara proses-proses yang terlibat ialah proses pengurangan gangguan (noise Reduction) iaitu proses dimana membuang bentuk-bentuk yang tidak dikehendaki pada imej itu bagi menjadikan imej itu kepada bentuknya yang sebenar. Selepas itu, peningkatan kualiti imej (Image Enhancement) iaitu proses bagi menajamkan dan menjelaskan lagi imej yang agak kabur atau sukar dibaca. Proses pengsegmenan (segmentation) ialah proses untuk memecahkan aksara tulisan jawi yang bersambungan kepada aksara tunggal. Dengan ini ia akan memudahkan kerja bagi mengecam aksara jawi itu yang akan melalui proses pengecaman aksara jawi (Recognition). Proses ini dilakukan dalam perwakilan imej digital.

Apabila imej aksara jawi ini telah dapat dipastikan/dikecam, ia akan diwakili dengan nombor yang akan dipadankan dalam pangkalan data bagi mengenalpasti identiti imej itu. Saya bersama rakan saya iaitu Hazrin Ahmad bertanggungjawab dalam tugas untuk pengecaman aksara tulisan jawi melalui penggunaan aturcara VHDL. Jadi ini adalah serba-sedikit imbasan berkenaan perjalananan proses keseluruhan projek ini bagi membolehkan pembaca mendapat sedikit gambaran awal.



## 1.2 OBJEKTIF

Objektif projek yang saya laksanakan ini terbahagi kepada 2 objektif. Sebagaimana yang dinyatakan, projek ini adalah salah satu sub kepada satu sistem yang agak besar. Jadi objektif itu dibahagi kepada objektif berkumpulan dan individu.

### 1.2.1 Objektif Berkumpulan.

- 1) Mengecam imej tulisan tangan jawi dengan memaparkan sebagai aksara jawi tunggal.
- 2) Mengurangkan gangguan imej melalui proses 'Noise Reduction' dan meningkatkan kualiti imej melalui proses 'Image Enhancement'.
- 3) Melakukan proses pengsegmenan dan pepadanan aksara bagi melakukan pengecaman terhadap aksara tersebut.
- 4) Memudahkan pengenalpastian aksara jawi yang agak kabur dan kurang jelas, jadi ini akan dapat menterjemahkan tulisan jawi dengan lebih lancar.

### 1.2.2 Objektif Individu

- 1) Mengimplementasikan aturcara pengecaman aksara tulisan jawi dengan menggunakan bahasa perkakasan VHDL.
- 2) Mengenalpasti aksara tulisan jawi yang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri agar mudah dibaca.
- 3) Melaksanakan algorithma dalam proses pengecaman aksara tulisan imej jawi dengan kaedah kod rangkaian.

### 1.3 Skop Projek

Skop projek ini adalah lebih kepada proses dimana aksara jawi itu dikecam untuk mengenalpasti identiti aksara tersebut. Proses pendigitalan imej dilakukan dalam proses input output imej aksara tulisan jawi itu. Jadi kod-kod binari digunakan dalam proses pengecaman imej ini. Antara skop yang telah saya kenalpastikan ialah:


- 1) Algorithma kod rantai adalah kaedah utama yang diterapkan dalam melaksanakan proses pengecaman imej aksara jawi itu.
- 2) Keseluruhan perjalanan proses dilaksanakan dengan menggunakan bahasa perkakasan VHDL iaitu dalam bentuk kod-kod binari.
- 3) Saiz Bit yang digunakan dalam proses input dan output imej adalah 8 bit.
- 4) Pemadanan aksara asas dan aksara tambahan adalah berasaskan pangkalan data yang menyimpan identiti imej bagi setiap aksara dalam bentuk kod.
- 5) Output yang dikehendaki adalah aksara tunggal yang diwakilkan dalam bentuk kod.



1.4 Jadual Perancangan Projek

AKTIVITI:

- 1. Kajian dan pemahaman terhadap tajuk projek
- 2. Mempelajari Bahasa perihalan VHDL.
- 3. Memahami konsep Pengecaman imej secara teori.
- 4. Kajian terhadap metodologi/pendekatan yang digunakan.
- 5. Membuat Gambarajah Blok VHDL bagi Rekabentuk Sistem.
- 6. Merekabentuk pangkalan Data bagi proses proses pepadanan aksara tambahan + asas
- 7. Membina aturcara program untuk proses pengecaman.
- 8. Melaksanakan ujian terhadap proses yang telah dikaji.



JUN JULAI OGOS SEPT. OKT. NOV. DIS. JAN. FEB.

## 2.1 Pengenalan

Dalam menjalankan teori kajian ini, Bahasa perantara yang digunakan adalah VHDL. Ini kerana, kajian yang saya lakukan adalah pendigitalan imej dalam bahasa perkakasan. Jadi, VHDL adalah bahasa perihalan perkakasan yang sesuai diimplementasikan dalam algoritma proses pengesanan ini.

VHDL adalah akronim untuk (VHSIC Hardware Description Language). VHSIC adalah akronim untuk (Very High Speed Integrated Circuit). Ini adalah bahasa perihalan perkakasan yang boleh digunakan sebagai model sistem digital yang banyak tahap abstrak dan juga algoritma biasa kepada get-get logik. Sistem digital yang

## BAB 2

# KAJIAN LITERASI

Tulisan Jawi ini merupakan tulisan yang berstrukturkan aksara-aksara tulisan arab. Tulisan jawi ini juga adalah tulisan yang unik jika dilihat berbanding tulisan yang lain. Sebagai contoh, ia dibaca dari kanan ke kiri. Selain itu, proses pengesanan aksara tulisan jawi dengan menggunakan pengimplementasian bahasa perihalan perkakasan VHDL, ini adalah sistem yang agak baru pada masa ini. Banyak kajian berkenaan pengesanan tulisan jawi ini dilaksanakan dalam bentuk perisian. Dalam menjalankan perisian, kita melalui proses pengesanan aksara tulisan jawi ini, saya telah memahami bahasa hardware melalui kajian yang terdahulu.



## 2.1 Pengenalan

Dalam menjalankan teori kajian ini, Bahasa perantara yang digunakan adalah VHDL. Ini kerana, kajian yang saya lakukan adalah pendigitalan imej dalam bahasa perkakasan. Jadi, VHDL adalah bahasa perihalan perkakasan yang sesuai diimplementasikan dalam algoritma proses pengecaman ini.

VHDL adalah akronim untuk (VHSIC Hardware Description Language). VHSIC adalah akronim untuk (Very High Speed Integrated Circuit). Ini adalah bahasa perihalan perkakasan yang boleh digunakan sebagai model sistem digital pada banyak tahap abstrak dan juga algoritma biasa kepada get-get logik. Sistem digital yang kompleks boleh mengubahsuai daripada get-get logik yang ringkas kepada yang lebih kompleks. Sistem digital ini juga boleh diterangkan dalam bentuk hieraki. Jika kita dapat mengenali bahasa pengaturcaraan seperti C, C++ atau sebagainya sebagai bahasa pengantaraan atau 'enjin' bagi perisian-perisian tertentu, maka VHDL pula adalah bahasa pengantaraan bagi perkakasan.

Tulisan jawi ini merupakan tulisan yang berinspirasi aksara-akara tulisan arab. Tulisan jawi ini juga merupakan tulisan yang unik jika diteliti berbanding tulisan yang lain. Sebagai contohnya, ia dibaca dari kanan ke kiri. Selain itu, proses pengecaman aksara tulisan jawi dengan menggunakan pengimplementasian bahasa perihalan perkakasan VHDL ini adalah suatu yang agak baru pada masa kini. Banyak kajian berkenaan pengecaman tulisan jawi ini dilaksanakan dalam bentuk perisian. Dalam menjalankan penyelidikan terhadap proses pengecaman aksara tulisan jawi ini, saya telah membuat kajian literasi terhadap kajian yang terdahulu.

Kajian tersebut adalah:

## 2.2 Kajian Pencaman Jawi melalui Rekabentuk Perkakasan

Tajuk : Rekabentuk Perkakasan Khas Pencaman Jawi

Kajian oleh : Omar Abdul Rahim, Zaidi Razak, Noorzaily Mohammed Noor, Mashkuri

Yaakob. Fakulti Sains Komputer Dan teknologi Maklumat, Universiti

Malaya.

### 2.2.1 Metodologi yang digunakan

Kajian ini memfokuskan model perkakasan untuk mendigitalkan tulisan jawi manuskrip (tulisan jawi tangan). Output model ini ialah tulisan jawi yang boleh dibaca oleh sebarang pemproses kata yang ada font jawi. Kaedah yang digunakan ialah pengecaman pakej-pakej bentuk aksara serupa dan penganalisan titik aksara melalui teknik kod rangkaian. Model ini terbahagi kepada tiga modul iaitu pensegmenan aksara, pemprosesan imej imej (pembaikpulih, pengurangan kebisingan, pengecaman aksara) dan pencarian identiti aksara (melalui kod rangkaian).

Model ini memerlukan input satu perkataan jawi yang diimbis dan seterusnya dipecahkan ke dalam bentuk aksara-aksara tunggal dalam modul pemecahan aksara yang kemudiannya dikenalpasti aksara-aksara tersebut oleh modul pemproses aksara dan diberikan identitinya.

Modul akhir akan mencari aksara digital yang bersepadan dengan identity yang telah diberikan oleh modul pengecaman dalam jadual identiti aksara. Model ini akan direalisasikan dalam bentuk cip tunggal dengan menggunakan bahasa perihalan perkakasan VHDL pada peringkat seterusnya. Pendekatan yang digunakan ialah dengan



membahagikan huruf jawi yang terdiri daripada 36 huruf kepada bentuk berkumpulan dan bentuk individu seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1. Bentuk berkumpulan boleh dibezakan diantara satu sama lain melalui bilangan titik dan lokasi titik-titiknya. Setiap huruf jawi mempunyai tiga jenis bentuk berlainan yang bersandarkan kepada kedudukannya dalam satu perkataan tulisan jawi. 3 jenis bentuk tersebut dikategorikan sebagai bentuk huruf diawal, ditengah dan diakhir dalam satu perkataan tulisan jawi. Bagi huruf-huruf jawi berkumpulan ia mempunyai bentuk yang sama samada diawal, ditengah mahupun diakhir yang membezakannya ialah titik-titiknya. Walaubagaimanapun terdapat huruf-huruf jawi yang mana bentuk tengah dan akhirnya sama seperti و, ز, ر, ذ, د, ا.

Jadual 1: Terdapat 36 huruf jawi yang dibahagikan kepada huruf-huruf

Berkumpulan dan individu

Bentuk Berkumpulan	Bentuk Individu
ث ت ب	ا
چ خ ج ح	ل
ذ	م
ز	ه
س ش	لا
ض ص	ء
ط ظ	ا
غ غ ع	
ق ق ف	
ک ک ی	
و	
ن ث	




## 2.3 Pencaman Huruf

Pencaman huruf bermaksud sesuatu proses yang mengenal sesuatu huruf (tidak digital) dan seterusnya memaparkan huruf tersebut dalam keadaan yang lebih berkualiti (digital) daripada asal. Pencaman ini secara teorinya amat mudah untuk dilaksanakan tetapi pada pelaksanaannya ianya perlu melalui asas-asas pemprosesan imej secara digital seperti penyahbisingan, peningkatan kualiti dan seterusnya pensегmenan yang mana ianya melibatkan pemecahan ayat kepada huruf-huruf.


Kebanyakan penyelidikan yang dibuat adalah tertumpu kepada mencari identiti tenaga dalam setiap huruf yang ingin dicamkan. Dalam kertas ini proses-proses yang wujud dalam pemprosesan imej digital tidak akan diterangkan dan penerangan akan bertumpu kepada Algoritma Kod Rantaian yang akan digunakan dalam pencaman huruf.

## 2.4 Teknik Kod Rantaian

Kod rantaiian ialah jujukan nombor-nombor yang mewakili bentuk asas aksara-aksara berdasarkan penakrifan pada *gambarajah arah LETAK RUJUKAN*. Asas penomboran arah yang digunakan dalam kod rantaiian dibahagikan kepada 2 kaedah iaitu kaedah 8 arah kod rantaiian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 dan Kaedah 4 arah kod rantaiian bagi Rajah 4.



Rajah 1 : Kaedah lapan arah kod Rantaian



Rajah 2 : Kaedah empat arah kod rantai

Teknik kod rantai ini adalah bertujuan untuk menentukan jenis arah pergerakan imej bagi menetapkan nombor-nombor kod rantai yang akan mewakili imej tersebut. Ianya akan dilakukan pada bahagian atas dan tengah sahaja. Kod rantai akan diberikan mengikut arah jam walau dalam apa bentuk sekalipun dengan memeriksa kejiranan piksel tersebut.

## 2.5 Teknik pengecaman bit

Kaedah pengecaman bit ini adalah teknik yang digunakan bagi mengesan aksara tambahan. Kaedah menentukan samada terdapat titik adalah dengan mengenalpasti setiap koordinat yang mengandungi imej (dot) kerana ia bukan merupakan garisan bersambung atau mempunyai bentuk. Kaedah ini adalah mudah kerana titik tidak merupakan imej yang mempunyai bentuk samada lengkung, garisan dan sebagainya.



## 2.6 Perwakilan Imej Digital

Imej digital diwakili oleh perwakilan  $I(r,c)$  dimana  $r$  dan  $c$  berfungsi dalam menandakan keamatan untuk imej hitam putih bagi kedudukan piksel. Berikut adalah jenis-jenis imej.

### ❖ Perduaan

Perwakilan yang paling senang kerana ianya mempunyai 2 nilai sahaja iaitu hitam dan putih, '0' atau '1'. Ia selalu digunakan dalam pemproses imej pada komputer.

### ❖ Penskalaan kelabu

Perwakilan khas yang mengandungi maklumat mengenai keamatan imej. Bilangan bit yang ada menentukan tahap keamatan sesuatu imej. Contohnya 8 bit/piksel mengandungi tahap 256(0-255).

### ❖ Warna


3-band monokrom imej yang mana setiap band mewakili warna yang berlainan. Sekiranya setiap band mempunyai 8 bit per piksel maka untuk piksel dalam perwakilan warna mempunyai 24 bit per piksel. Ini merupakan perwakilan RGB(red, blue, green).

### ❖ Pelbagai spektral

Maklumat yang disimpan menjangkau darjah penglihatan manusia. Contohnya seperti: X-ray dan kadar. Imej seperti ini selalunya ditukarkan kepada perwakilan seperti pemetaan kepada RGB.



Rajah 3 menunjukkan gabungan yang dicadangkan untuk Entiti-Entiti yang dinyatakan



Rajah 3 : Gabungan Entiti Rekabentuk Perkakasan Khas Huruf Jawi

Proses pengabungan ini akan dilakukan setelah semua Entiti-Entiti ini diuji ketepatan pemrosesannya.

## **2.7 Kesimpulan**

Kajian ini merupakan asas kepada pembangunan perkakasan pengecaman huruf jawi bagi mengurangkan pemasalahan perpindahan sifat atau menjayakan pemeliharaan bahasa jawi dari manuskrip dengan mendigitalkannya untuk membolehkannya mudah dibaca, diselenggara dan dipergunakan untuk tujuan ilmiah. Melihatkan kepada keringkasan yang wujud dalam teknik kod rantai, perkakasan yang akan dibangunkan berkemungkinan mengambil jangka masa pendek dengan dibantu pula oleh metodologi rekabentuk digital yang menggunakan bahasa perihalan perkakasan.

BAB 3

METODOLOGI SISTEM



### 3.1 PENGENALAN KEPADA METODOLOGI SISTEM

Dalam bahagian Metodologi sistem ini, saya telah menggunakan beberapa pendekatan dalam proses mengesan setiap imej aksara tulisan jawi ini. Sebagaimana yang kita ketahui, bilangan aksara tulisan jawi terdapat 36 huruf. Setiap aksara ini mempunyai bentuk-bentuk yang tersendiri. Secara tidak langsung, pastinya akan terdapat kesukaran dalam mengenalpasti identiti setiap aksara ini. Jadi saya telah membuatkan 3 pengelasan bagi memudahkan lagi proses pengesanan setiap aksara ini.

Pengelasan dilakukan berdasarkan bentuk dan aksara jawi ini sendiri. Aksara-aksara akan dikelaskan ke dalam beberapa kumpulan yang hampir sama. Contohnya huruf (ث ث ب) 'ta', 'te', 'da' mempunyai bentuk yang sama tetapi


## BAB 3 METODOLOGI SISTEM

1, kelas 2 dan kelas 3.ajah 1, nahajah 3 menunjukkan kelas-kelas tersebut.


### 3.1 PENGENALAN KEPADA METODOLOGI SISTEM

Dalam bahagian Metodologi sistem ini, saya telah menggunakan beberapa pendekatan dalam proses mengecam setiap imej aksara tulisan jawi itu. Sebagaimana yang kita ketahui, bilangan aksara tulisan jawi terdapat 36 huruf. Setiap aksara itu mempunyai bentuk-bentuk yang tersendiri. Secara tidak langsung, pastinya akan terdapat kesukaran dalam mengenalpasti identiti setiap aksara itu. Jadi saya telah membuatkan 3 pengkelasan bagi memudahkan lagi proses pengecaman setiap aksara itu.

Pengkelasan dilakukan berasaskan bentuk dan saiz aksara jawi itu sendiri. Aksara-aksara akan dikelaskan berdasarkan bentuk-bentuknya yang hampir sama. Contohnya huruf (ث ت ب) 'ba', 'ta', 'tha' mempunyai bentuk yang sama tetapi jumlah titik yang berbeza, jadi inilah faktor yang membolehkan saya mengelaskan huruf-huruf ini didalam kelas yang sama. Kelas-kelas itu terbahagi kepada 3 iaitu kelas 1, kelas 2 dan kelas 3. rajah 1, rajah 2 dan rajah 3 menunjukkan kelas-kelas tersebut.



Rajah 4 : Kelas satu.




Rajah 5 : Kelas Dua



### 3.2 Penggunaan kaedah Kod Rantaian


Pada proses pengiraan aksara-aksara ini saya telah menggunakan kaedah kod rantai. Jadi dalam bahagian ini akan saya tunjukkan bagaimana kaedah kod rantai ini lebih lanjut. Kaedah ini lebih relevan dan sesuai digunakan memandangkan ia yang diwakilinya akan kelihatan lebih jelas dan terperinci. Untuk itu, saya akan tunjukkan jawapan nombor berdasarkan kaedah kod rantai manakala cara bagaimana ia lebih mengikut arah putaran jam. Kemudian, saya akan tunjukkan bagaimana ia akan membentuk bentuk, mengikut kaedah kod rantai ini.



Rajah 6 : Kelas Tiga

Saya telah menggunakan 3 pendekatan bagi melaksanakan proses pengecaman aksara tulisan jawi ini. Ia adalah :


- 1) Penggunaan kaedah Kod Rantaian
- 2) Penentuan nilai titik bersambungan dengan menggunakan konsep kejiranan piksel (Pixel Neighbourhood).
- 3) Pengecaman untuk aksara tambahan dan pepadannya dengan aksara asas bagi mawakulkan hasil pengecaman dalam bentuk kod.



### 3.2 Penggunaan kaedah Kod Rantaian

Pada proses pengecaman aksara-aksara ini saya telah menggunakan kaedah kod rantaian. Jadi dalam bahagian ini saya akan menerangkan kaedah kod rantaian dengan lebih lanjut. Kaedah ini lebih relevan dan sesuai digunakan memandangkan imej yang diwakilinya akan kelihatan lebih licin dan sempurna. Setiap bentuk aksara akan diwakili jujukan nombor berdasarkan bacaan kod rantaian manakala cara bacaannya ialah mengikut arah putaran jam. Nombor perwakilan Kod Rantaian adalah diwakili samada bentuk menegak, melengkung atau mendatar kekiri dan kekanan.

Kaedah kod rantaian ini menggunakan pendekatan konsep '*Kejiranan Piksel*' iaitu kaedah yang membaca piksel yang mempunyai nilai secara bersambungan. Apabila imej diwakili oleh piksel-piksel, secara tidak langsung piksel-piksel ini juga akan mempunyai nilai. Piksel yang diwakili imej akan bernilai 1 manakala piksel yang tidak diwakili imej akan bernilai 0. Jadi, konsep '*kejiranan Piksel*' digunakan bagi membaca nilai 1 secara berturutan.




Rajah 7: Kaedah lapan arah kod rantaian.



3.2.1 Kaedah 'Hough Transform'

Kaedah Hough transform ini adalah untuk mengembalikan kedudukan imej yang

Rajah 7 menunjukkan gambarajah kod rantai yang mempunyai 8 arah.



Rajah 8 : Perwakilan kod rantai dalam pengecaman imej.


Rajah 8 menunjukkan bagaimana kedudukan imej diwakilkan dalam bentuk arah dan arah imej ini akan menghasilkan jujukan kod rantai bagi mengenalpasti indentiti imej. Kaedah ini diimplementasikan ketika mengecam aksara tulisan jawi nanti. Melalui kaedah arah inilah yang digunakan bagi membaca nilai piksel-piksel secara bersambungan. Setiap bentuk arah-arrah ini diwakili oleh nombor dan gabungan jujukan nombor ini akan membentuk kod rantai.

	3	2	1
Chain codes =	4	x	0
	5	6	7

Rajah 9 : Arah Kod Rantaian yang diwakili nombor yang menunjukkan dimana 'x' menjadi pusat bagi penentuan arah.

### 3.2.1 Kaedah 'Hough Transform'

Kaedah Hough transform ini adalah untuk mengembalikan kedudukan imej yang tidak berapa jelas kepada yang lebih jelas atau normal. Kaedah ini juga dikenali sebagai satu mekanisme untuk mengakstrakkan cirian utama bagi menghasilkan aksara yang lebih jelas. Kaedah ini juga biasa digunakan untuk mengesan lengkung seperti garisan, bulatan, elips, kelebihan utama teknik Hough Transform ialah ia bersikap toleran terhadap perbezaan dalam pengenaltastian cirian sempadan dan tidak relatif terhadap gangguan gambar(image noise).



Gambarajah di atas adalah aplikasi Hough Transform dimana ia mengesan kedudukan imej yang kurang jelas.



A




B



Gambarajah A di atas adalah menunjukkan sebuah gambar bangunan manakala Gambarajah B menunjukkan kedudukan garisan imej gambar bangunan itu. Ini adalah aplikasi yang digunakan dengan kaedah Hough Transform.

### 3.2.2 Penentuan nilai titik bersambungan dengan menggunakan konsep kejiranan piksel (Pixel Neighborhood)

Pendekatan dengan menggunakan kaedah konsep kejiranan adalah penting untuk dalam mengenalpasti identiti imej aksara tulisan jawi yang agak sama bentuk saiz dan cirinya. Konsep ini penting dalam menentukan kelas bagi aksara-aksara tulisan jawi tersebut.. Pemprosesan imej digital biasa menggunakan kaedah ini bagi mengenali sesuatu imej dan ini dapat diinspirasi dalam mengenali tulisan jawi yang juga boleh diwakilkan sebagai imej.




Rajah 10 : Ilustrasi Konsep Kejiranan Piksel

Rajah 10 menunjukkan gambaran proses kejiranan piksel. Gambarajah A adalah dipanggil 4-kejiranan iaitu piksel yang berlorek mempunyai nilai 1 dan dikelilingi 4 piksel yang bernilai 0. Gambarajah B pula dipanggil 8-kejiranan iaitu 1 piksel bernilai 1 dikelilingi 8 piksel bernilai 0. Jadi teori di praktikkan dengan mencari piksel kejiranan yang mempunyai nilai 1. Konsep ini juga dapat diterangkan melalui definisi region( keterhubungan kawasan) .

Bagi suatu region R dikatakan saling connected jika terdapat mana-mana 2 piksel  $(X_A, Y_A)$ ,  $(X_B, Y_B)$  milik R dapat dihubungkan oleh laluan  $(X_A, Y_A), \dots (X_{i-1}, Y_{i-1}), (X_i, Y_i), (X_{i+1}, Y_{i+1}), \dots (X_B, Y_B)$  di mana piksel  $(X_i, Y_i)$  milik R dan mana-mana piksel  $(X_i, Y_i)$  adalah berdekatan dengan piksel sebelumnya  $(X_{i-1}, Y_{i-1})$  dan piksel selepasnya  $(X_{i+1}, Y_{i+1})$  dalam laluan tersebut.

### 3.2.3 Pengecaman untuk aksara tambahan dan pepadannya dengan aksara asas bagi mawaklkan hasil pengecaman dalam bentuk kod.

Pengecaman untuk aksara tambahan dan pepadannya dengan aksara asas bagi mewakili hasil pengecaman dalam bentuk kod. Pendekatan ini mengesan aksara tambahan ini adalah berasaskan bilangan titik bagi setiap aksara tersebut. Ini akan dapat membezakan aksara-aksara yang hampir sama. Teknik ini bertumpu kepada titik-titik yang mungkin iaitu satu titik, dua titik dan tiga titik.



Rajah 11 : kedudukan titik-titik pada koordinat.

Rajah 11 menunjukkan teknik dimana untuk mengesan koordinat bagi titik-titik yang akan dikecamkan lokasinya dan bilangannya. Jadi logik pengecaman adalah seperti berikut:



Rajah 15 menunjukkan teknik dimana untuk mengesan koordinat bagi titik-titik yang akan dikecam kan lokasinya dan bilangannya. Jadi logik pengecaman adalah seperti berikut:

Titik 3: Terdapat 2 koordinat dengan paksi-x yang sama serta 1 koordinat pada paksi- y yang berlainan.

Titik 2: 2 koordinat dengan paksi-x yang sama.

Titik 1: 1 koordinat tunggal.

Apabila Nilai kod rangkaian bagi aksara tambahan dan juga nilai kod bagi aksara tambahan telah asas telah dikenali, proses pemadanan gabungan kod aksara tambahan dan aksara asas itu akan dirujuk pada pangkalan data yang telah dibuat. Ini bagi menghasilkan output aksara jawi tunggal yang telah dikecam dalam perwakilan kod. Jadi, ini adalah beberapa pendekatan yang telah digunakan bagi melaksanakan proses pengecaman terhadap aksara-aksara jawi tersebut.

## 4.0 REKABENTUK SISTEM

Fasa Rekabentuk Sistem dilaksanakan untuk membangunkan suatu rekabentuk fizikal berdasarkan rekabentuk logik sistem dengan menimbangkan keperluan yang telah ditetapkan dalam fasa analisis sistem.

Aktiviti-aktiviti rekabentuk sistem boleh dibahagikan kepada tiga bahagian :

- A. Rekabentuk gambaran keseluruhan perjalanan proses secara ringkas
- B. Rekabentuk berisikan gambaran input/output
- C. Rekabentuk berdasarkan Gambar rajai blok.

### 4.1 Rekabentuk Gambaran Perjalanan Proses Secara Ringkas

## REKABENTUK SISTEM



Rajah 12 : Gambaran alirah perjalanan proses keseluruhan.




## 4.0 REKABENTUK SISTEM

Fasa Rekabentuk Sistem dilaksanakan untuk membangunkan suatu rekabentuk fizikal berasaskan rekabentuk logik sistem dengan menimbangkan keperluan yang telah ditetapkan dalam fasa analisis sistem.

Aktiviti-aktiviti rekabentuk sistem boleh dibahagikan kepada tiga bahagian :

- A. Rekabentuk gambaran keseluruhan perjalanan proses secara ringkas
- B. Rekabentuk bercirikan gambarajah input/ouput.
- C. Rekabentuk berasaskan Gambarajah blok.

### 4.1 Rekabentuk Gambaran Keseluruhan Perjalanan Proses Secara Ringkas



Rajah 12 : Gambarajah aliran perjalanan proses keseluruhan.

Rajah 12 menunjukkan gambaran perjalanan keseluruhan proses secara ringkas. Data akan diterima daripada proses peningkatan kualiti imej (Image Enhancement) iaitu proses yang dahulu dijalankan sebelum data imej menjalani proses pengecaman. Selepas itu, Proses penentuan titik mula dilakukan. Ini bertujuan untuk memudahkan pembacaan nilai piksel dengan langkah yang telah ditentukan dan mengelakkan ralat pembacaan

#### Proses Hough Transform

Selepas itu Proses pengujian nilai kod rantaian berdasarkan konsep kejiranan dilakukan. Proses ini adalah langkah utama dalam untuk mengenalpastian aksara-aksara berdasarkan ciri-ciri yang ada pada aksara tersebut. Ini boleh dirujuk pada pengkelasan yang telah dibuat kepada 36 aksara tulisan jawi.

Proses Perbandingan Nilai kod rantaian aksara berdasarkan pengkelasan aksara adalah proses yang penting untuk mengenalpasti identiti aksara yang telah dikelaskan. Jadi proses membaca kod rantaian lebih mudah dilakukan kerana skop untuk identiti aksara telah dikecilkan.

Dalam pada masa yang sama, proses pengujian terhadap aksara tambahan juga dijalankan. Ini kerana terdapat aksara-aksara tulisan jawi yang mempunyai bentuk yang sama tetapi berbeza dari segi bilangan titik. Jadi proses ini dapat mengenalpasti bilangan titik yang ada.


Proses pemadanan kod aksara adalah proses yang terakhir dilakukan. Proses ini bertujuan untuk mengenalpasti nilai kod bagi aksara tambahan dan kod aksara asas dan



gabungan nilai kod ini akan dirujuk pada pangkalan data untuk menghasilkan perwakilan kod yang tunggal.

## 4.2 Rekabentuk bercirikan gambarajah input/output


### Proses Hough Transform



Input A : Output bagi proses terdahulu iaitu Peningkatan kualiti imej (*Image Enhancement*)


Output B : Data imej berada pada kedudukan yang dikehendaki (kedudukan yang betul).

### Proses Menentukan titik mula




Input B : Output bagi proses Hough Transform

Output C : Titik mula dikenalpasti sebagai titik piksel teratas dan terkanan (bersambungan) atau sebarang titik tunggal (*dot*).

Proses PemadatanProses Berkaitan Kod Rantai

Input C : Titik mula (bersambungan) yang telah dikenalpasti untuk proses Pembacaan nilai imej pada piksel .

Output D : Keputusan algoritma pembacaan imej pada piksel (kod rantai).


Pengujian Aksara Tambahan

Input E : Titik tunggal (dot) yang telah dikenalpasti .

Output F : Kod perwakilan hasil pengujian dijangka dalam bentuk perdua.




Proses Pemasanan



- Input G : Kod pengujian bagi aksara asas + kod pengujian aksara tambahan.
- Output H : Kod perwakilan aksara yang sebenar (yang telah dikecam).

4.3 Rekabentuk Berasaskan Gambarajah Blok



Rajah 13 : Gambarajah Blok Proses Pengesanan Aksara Tulisan Jawi.

Rajah 13 menunjukkan gambarajah blok proses pengecaman aksara tulisan jawi. Kali ini, saya akan menerangkan lebih lanjut lagi berkenaan perjalanan proses kajian ini secara lebih terperinci.

Apabila data input diterima daripada proses peningkatan imej, ia akan melalui proses 'Hough Transform'. Ini bertujuan untuk mengembalikan kedudukan kepada keadaan normal sekiranya imej yang diterima bukan pada keadaan yang tepat seperti senget atau terbalik. Selepas itu, data akan menjalani proses penentuan titik mula dimana pada proses ini, penetapan pembacaan imej telah ditetapkan. Jadi apabila kedudukan titik permulaan pembacaan telah ditetapkan ia akan mengelakkan ralat dalam pembacaan imej pada piksel tersebut.

Pembacaan imej ini akan dilakukan berdasarkan konsep '*kejiranan piksel*'. Pembacaan akan dilakukan pada bahagian atas sekali dan bahagian kanan sekali. Proses ini dapat menentukan kelas bagi aksara yang telah dibaca. Dengan ini, imej akan dirujuk berdasarkan konsep kelas iaitu kelas 1 terdapat 1 nilai titik bersambungan yang terdekat, kelas ke- 2 ialah terdapat 2 nilai titik bersambungan yang terdekat, manakala kelas ke-3 ialah terdapat 3 nilai titik bersambungan yang terdekat. Pengkelasan aksara ini telah diterangkan dalam bahagian metodologi sistem.

Apabila kelas identiti aksara itu telah dapat dikenalpasti, ia akan menjalani proses membaca nilai kod rangkaian yang telah ditentukan berdasarkan kelas aksara tersebut. Pembacaan imej pada piksel ini akan dilaksanakan berdasarkan kaedah kod rangkaian bagi mendapatkan jujukan nilai kod rangkaian tersebut. Apabila selesai proses membaca nilai imej pada piksel, hasil bacaan ini akan di bawa ke proses pemadanan aksara.



Semasa proses permulaan menentukan titik mula dan proses penentuan kelas aksara, proses pengujian terhadap aksara tambahan dilakukan. Ini kerana seperti yang kita telah sedia maklum bahawa aksara-aksara tulisan jawi yang unik ini mempunyai titik-titik dan ia dapat dibezakan melalui bilangan titik pada aksara tersebut. Proses ini akan mengesan nilai imej pada piksel. Merujuk kepada teori, aksara asas adalah jika nilai imej dibaca secara bersambungan, jadi sekiranya nilai imej itu dibaca tanpa secara bersambungan pada piksel itu, kita dapat menyatakan bahawa imej itu adalah aksara tambahan.

Bagi aksara tambahan., proses yang terlibat iaitu menentukan bilangan titik yang berkemungkinan ada 1 titik, 2 titik dan 3 titik. Pengujian ini telah diterangkan pada bahagian metodologi sistem. Selepas itu, hasil pembacaan titik ini dijangkakan adalah 3 bit dalam bentuk perduaan yang seterusnya akan dibawa ke proses pepadanan.

Proses pepadanan adalah merujuk kepada memori. Memori ini merupakan pangkalan data yang menyimpan keputusan bagi penggabungan nilai kod aksara asas dan aksara tambahan. Contohnya jika jujukan kod rangkaian (𐄇) ialah 6,6,5,4,4,3,2,2 dan digabungkan dengan kod aksara tambahan yang mempunyai 1 nilai titik akan dikenalpasti sebagai (𐄈). Output perwakilan aksara ini (Result Code) ini diwakili nombor. Contohnya huruf (𐄈) ini akan diwakili oleh nombor 2 tetapi input yang keluar adalah diwakili 2 sebagai mewakili (𐄈). Jadi output dapat dikatakan sebagai perwakilan aksara.

Diharapkan Rekabentuk sistem ini dapat diimplementasikan sebagaimana yang telah dirancang...*INSYAALLAH*...

Dalam bab ini, saya akan menerangkan kaedah satu algoritma yang digunakan dalam membangunkan proses pengiraan aksara tulisan jawi dengan menggunakan bahasa peritalan perkakasan "Very High Speed Integrated Circuits Hardware Description Language" (VHDL). Sebagaimana yang diketahui, dalam menjalankan proses pengiraan ini, saya telah menetapkan kaedah pembacaan melalui kaedah *Kod Rantian*. Jadi, matlamat output dalam proses pengiraan ini adalah hasil gabungan kod-kod rantian yang telah ditetapkan arah bagi setiap kod itu. Kod-kod itu pula akan dikeluarkan dalam perwakilan "Binary Code" iaitu bentuk 0 dan 1.

Saya telah menggunakan kaedah ini bagi mengimплеmentasikan kod-kod VHDL ini bagi menghasilkan output yang dikehendaki. Antaramuka yang digunakan adalah

## BAB 5

# PEMBANGUNAN SISTEM

- 1) Algoritma membaca input dan melakukan operasi aritmetik.
- 2) Algoritma membaca input dan melakukan operasi aritmetik.



Dalam bab ini, saya akan menerangkan kaedah atau algoritma yang digunakan dalam membangunkan proses pengecaman aksara tulisan jawi dengan menggunakan bahasa perihalan perkakasan “ Very High Speed Integrated Circuits Hardware Description Language” (VHDL). Sebagaimana yang diketahui, dalam menjalankan proses pengecaman ini, saya telah menetapkan kaedah pembacaan melalui kaedah **Kod Rantaian**. Jadi, matlamat output dalam proses pengecaman ini adalah hasil gabungan kod-kod rantaian yang telah ditetapkan arah bagi setiap kod itu. Kod-kod itu pula akan dikeluarkan dalam perwakilan ‘Binary Code ’ iaitu bentuk 0 dan 1.

